

27 JUN 2000

OIC>Nama

SAMA TAPI TAK SERUPA....

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Kata orang apa ada pada nama. Bagi umat Islam yang meliputi pelbagai bangsa dari seluruh pelusuk dunia, nama mereka mungkin sama tetapi disebabkan perbezaan bahasa, ejaannya berbeza.

Ini dapat dilihat pada senarai delegasi yang menghadiri sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) yang bermula di sini hari ini.

Contohnya, nama Muhammad dieja berbeza-beza.

Selain "Mohammed", "Mohamed" dan "Mohammad", ada juga dieja "Mamadou" di Guinea dan "Mehmet" di Turki.

Dari Gambia pula, ejaannya "Momodou" manakala dari Cameroon dieja "Mohamadaou".

"Abdul" juga mempunyai beberapa variasi -- "Abdel" dari beberapa negara Arab, "Abdoul" dari Guinea dan "Abdus" dari Bangladesh.

Menteri Luar Burkina Faso, Youssof Ouedraogo juga mempunyai nama yang sama dengan anggota perwakilan dari negara-negara lain walaupun ejaannya berbeza.

Menteri Luar Algeria pula ialah Youcef Yousfi manakala rakan sejawatannya dari Oman ialah Yousuf Alawi.

Seorang perwakilan dari Libya bernama "Yusef" manakala seorang dari Qatar bernama "Yusuf". Ada juga "Mohamadou Youssifou" dari Cameroon.

Nama "Rashid" juga mempunyai kepelbagaian -- Rashed dari Pakistan, Rachid dari Algeria dan Maghribi.

Seramai 1,000 orang perwakilan dari 56 negara Pertubuhan Persidangan Islam menghadiri persidangan empat hari itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

-- BERNAMA

AZZ AKD